



MEMBUAT PERABOT DENGAN PRODUK KOTAK AIR MINUMAN TERPAKAI

PUTRAJAYA, 19 Disember 2022 – Naib Presiden Perancang Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), YBrs Encik Shamsul Bahrin bin Rahmat menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan CARETON@Putrajaya: Produk PolyAl 2022 bertempat di Lobi Blok CD, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Projek CAREton telah diperkenalkan oleh Syarikat Tetra Pak® Malaysia dan Syarikat Nestle MILO® UHT pada tahun 2012. Projek ini bertujuan untuk mengumpulkan kotak air minuman terpakai (*Used Beverage Cartons - UBC*) untuk diproses kepada bahan binaan mesra alam yang dinamakan sebagai papan poly Aluminium (PolyAl). Perbadanan Putrajaya telah menyertai program CAREton dan dinamakan sebagai CAREton@Putrajaya sejak tahun 2020.

Penyertaan PPj ini adalah selaras dengan aspirasi PPj menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau Karbon Rendah di bawah fokus keenam bandar hijau iaitu pengurusan sisa pepejal. Di samping itu, pertandingan ini dapat meningkatkan lagi kreativiti industri dalam menghasilkan produk kitar semula menggunakan papan PolyAl serta memperkenalkan konsep sirkular ekonomi sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya.


Pertandingan CAREton@Putrajaya; Perabot PolyAl merupakan anjuran kali kedua PPj bersama rakan strategik Syarikat Tetra Pak® Malaysia dan Nestle Milo UHT bertujuan mempromosi aktiviti mengumpul, mengitar semula kotak air minuman terpakai (UBC) serta memperkenalkan program CAREton@Putrajaya kepada komuniti di Putrajaya. Melalui pertandingan ini juga, adalah dijangkakan dapat mengurangkan lagi jumlah UBC yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Bermula pada 20 September hingga 18 November 2022, pertandingan ini berjaya menarik sebanyak 11 penyertaan daripada peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi, persatuan dan syarikat swasta. Para peserta dikehendaki menghasilkan 'perabot' berdasarkan kreativiti masing-masing menggunakan minimum 50 peratus bahan UBC yang disediakan. Hasil pertandingan ini telah dinilai dari aspek-aspek seperti konsep, fungsi, kreativiti, estetik, keselamatan, kekukuhan dan peratusan penggunaan UBC.

Juara pertandingan bagi setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, manakala bagi Naib Juara membawa pulang wang tunai RM 800, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM 500, tempat keempat RM400 dan tempat kelima RM350. Pemenang saguhati pula membawa pulang wang tunai RM300. Para pemenang turut menerima trofi, sijil dan hadiah iringan berupa produk kitar semula.

Sepanjang tahun 2022, CAREton@Putrajaya telah mempergiatkan lagi usaha pengumpulan kotak air minuman terpakai dan mempromosi penggunaan papan PolyAl melalui pelaksanaan tiga (3) siri kempen CAREton@Putrajaya di kawasan perumahan peringkat komuniti dan warga kerja Putrajaya. PPj turut mengadakan kempen, pameran dan bengkel khas CAREton@Putrajaya bersempena Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2022. Selain itu, PPj turut menyediakan ruang sampah pukul untuk rumah sampah di blok-blok kuarters Putrajaya.

Projek CAREton@Putrajaya akan dikembangkan dari semasa ke semasa daripada skala lebih besar dalam kalangan komuniti. Projek ini bukan sahaja memanfaatkan alam sekitar malah dapat membantu menjana sumber pendapatan komuniti berteraskan teknologi hijau.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah





Bahagian Komunikasi Korporat





b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya



Tarikh: 19 Disember 2022

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Penyampaian hadiah pertandingan CARETON@Putrajaya: Produk PolyAl 2022, sila hubungi Pegawai Media, En. Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019-3354346.

Senarai Nama Pemenang dan Hasil Pertandingan:

TEMPAT	PEMENANG	HASIL REKAAN
Saguhati RM300 + Sijil	Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18(1) (Kabinet TV Gantung)	
Saguhati RM300 + Sijil	Kebun Komuniti Bandar Presint 16 (Hive Kelulut P16)	
Saguhati RM300 + Sijil	Persatuan Penduduk Prima C Presint 11 (Almari File)	
Saguhati RM300 + Sijil	Denai Ilham Sdn. Bhd. (Shoes Rack with Planterbox)	

TEMPAT	PEMENANG	HASIL REKAAN
<p>Saguhati RM300 + Sijil</p>	<p>Institut Kemahiran Mara Kuala Lumpur (Garden Chairs)</p>	
<p>Saguhati RM300 + Sijil</p>	<p>Putrajaya Bina Sdn. Bhd. (Lagring – storage box)</p>	
<p>Kelima RM350 + Sijil</p>	<p>Kebun Komuniti Bandar Pudina Presint 17 (Kabinet dan Bangku Pelbagai Guna)</p>	
<p>Keempat RM400 + Sijil</p>	<p>Heriot-Watt University Malaysia (set coffee table Tawila)</p>	

TEMPAT	PEMENANG	HASIL REKAAN
<p>Ketiga RM500 + Sijil</p>	<p>Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1)</p> <p>(Rumah Kucing Mobile)</p>	
<p>Naib Johan RM800 + Sijil</p>	<p>Kawasan Rukun Tetangga Pudina Presint 17</p> <p>(Meja Pelbagai Guna)</p>	
<p>Johan RM1000 + Sijil</p>	<p>Persatuan Usahawan Kebun Komuniti KK4</p> <p>(Meja Bulat Jimat Ruang KK4)</p>	